
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JIB 420 – Ekologi Sumber Alam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja.

Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.

1. Buat nota tentang tajuk berikut:
 - (a) Dasar Perhutanan Negara
 - (b) Akuakultur

(20 markah)
2. Bincangkan kitar semula bahan sebagai kaedah mengatasi masalah kekurangan sumber.

(20 markah)
3. Buat nota ringkas tentang jenis-jenis tenaga berikut:
 - (i) Tenaga suria (8 markah)
 - (ii) Tenaga nuklear (8 markah)
 - (iii) Tenaga air pasang surut (4 markah)
4. (a) Dengan menggunakan contoh, terangkan maksud
 - (i) sumber yang boleh diperbaharui dan
 - (ii) sumber yang tidak boleh diperbaharui

(4 markah)

(b) "Penggurunan ialah satu proses hakisan yang berlaku di kawasan kering."
Huraikan.

(16 markah)
5. Bincangkan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dalam menilai kawasan hutan untuk tujuan pemuliharaan.

(20 markah)
6. Bincangkan kebaikan dan keburukan pengurangan kepelbagaian genetik dalam tumbuhan.

(20 markah)